

PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU
BAPA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR
BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH:
SATU KAJIAN EMPIRIKAL

HONG YU PING

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU BAPA TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR
BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH: SATU KAJIAN EMPIRIKAL**

HONG YU PING

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوينورسيي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14-02-2023

Perakuan Pelajar:

Saya, HONG YU PING, M20191000425 FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH: SATU KAJIAN EMPIRIKAL adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya..



Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROF. MADYA DR. ZAINIZAM BIN ZAKARIYA dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH: SATU KAJIAN EMPIRIKAL dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI).

14-02-2023

Tarikh



Tandatangan Penyelia


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH STATUS SOSIOEKONOMI (SSE) IBU BAPA
TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH LUAR BANDAR DAERAH PAPAR, SABAH:
SATU KAJIAN EMPIRIKAL

No. Matrik / Matric's No.: M20191000425
Saya / I :
HONG YU PING

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 9-03-2023

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Prof. Madya Dr. Zainizam bin. Zakaria
Ketua Jabatan Ekonomi
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan atas segala rahmat yang diberikan kepada saya dalam perjalanan melengkapkan pengajian peringkat Sarjana Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang bersejarah. Setinggi-tinggi ucapan jutaan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Zainizam Bin Zakariya, penyelia utama saya yang amat berdedikasi dan prihatin serta penyelia bersama Dr Azila Binti Abdul Razak yang banyak membantu memberikan bimbingan berserta perkongsian ilmu sepanjang melengkapkan penulisan penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada pihak IPS UPSI, para pensyarah yang pernah memberikan ilmu; para pihak pengurus serta pentadbiran Falkulti Pengurusan Ekonomi (FPE) ; pihak EPRD; KPM; JPN Sabah ; PPD Papar Sabah dan lima buah sekolah terlibat yang telah membantu mempermudah perjalanan proses kutipan data bagi menyiapkan penyelidikan saya ini. Ucapan jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada rakan-rakan pengajian atas sokongan dan motivasi dari segi fizikal dan mental dalam menempuhi perjalanan pengajian di UPSI. Akhir sekali ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan terutamanya kepada ibu bapa serta suami dan anak saya atas sokongan moral, toleransi dan bantuan yang dihulurkan sepanjang pengajian saya di UPSI. Semoga hasil penulisan saya ini dapat menyumbang dalam bidang penyelidikan dan pendidikan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh status sosioekonomi ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar daerah Papar, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah kajian tinjauan deskriptif. Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Seramai 366 pelajar tingkatan 4 sekolah menengah luar bandar daerah Papar dipilih sebagai responden dengan menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata dan pensampelan rawak mudah. Kajian ini melibatkan lima elemen pengaruh status sosioekonomi ibu bapa sebagai pemboleh ubah tak bersandar dan hanya melibatkan satu pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian akademik pelajar. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan latar belakang demografi sampel manakala analisis inferensi regresi berganda digunakan untuk menunjukkan kekuatan pengaruh status sosioekonomi ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di daerah Papar. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Program Perisian Statistical Package for Social Science versi 23. Hasil analisis data deskriptif menunjukkan tahap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar adalah pada tahap yang sederhana. Dapatan analisis regresi berganda pula menunjukkan hanya terdapat dua daripada lima elemen pengaruh status sosioekonomi ibu bapa yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar iaitu pengaruh faktor pendapatan ibu bapa dan jarak ke sekolah. Faktor pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa serta persekitaran rumah tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan. Kesimpulan kajian ini menunjukkan pendapatan ibu bapa dan jarak ke sekolah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar luar bandar di daerah Papar. Sumbangan dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak berkepentingan mengambil tindakan sewajarnya bagi membantu pencapaian akademik pelajar di luar bandar khususnya di daerah Papar. Kajian yang lebih komprehensi dengan melibatkan faktor selain sosioekonomi dicadangkan untuk memperkembangkan lagi kajian pada masa depan.





INFLUENCE OF PARENTS' SOCIOECONOMIC STATUS (SSE) ON THE ACADEMIC ACHIEVEMENT OF RURAL SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN PAPAR DISTRICT, SABAH: AN EMPIRICAL STUDY

ABSTRACT

This study was aimed to identify the influence of parents' socioeconomic status on the academic achievement of rural secondary school students in the district of Papar, Sabah. This study used a quantitative approach with the method of descriptive survey studies. Questionnaire instruments are used to obtain the necessary information. A total of 366 form 4 students of the rural secondary school of Papar district were selected as respondents using stratified random sampling techniques and simple random sampling. This study involved five elements of the influence of parents' socioeconomic status as a non-dependent variable and involved only one dependent variable which is the student's academic achievement. Descriptive analysis is used to explain the demogarf background of the sample while multiple regression infregression analysis is used to demonstrate the strength of the influence of the socioeconomic status of parents on the academic achievement of rural secondary students in the Papar district. The data obtained is analyzed using the Statistical Pakage for Social Science Software Program version 23. The results of the descriptive data analysis showed that the academic achievement level of Form 4 students in rural Papar district was at a moderate level. The findings of the multiple regression analysis showed that there were only two out of five elements of parental socioeconomic status influence significant on students' academic achievement, namely the influence of parental income factors and distance to school. Factors of parental education, parental employment as well as home environment did not show significant influence. As a conclusion this study show that parents' income and distance to school did affect the academic achievement of rural students in the Papar district. The findings of this study are expected to help stakeholders take appropriate action to assist the academic achievement of students in rural areas especially in the Papar district. More comprehensive studies involving factors other than socioeconomics are suggested to further expand the study in the future.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI CARTA	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	18
	1.5 Soalan Kajian	18

1.6	Hipotesis Kajian	19
1.7	Kerangka Konseptual	19
1.8	Kepentingan Kajian	21
1.9	Batasan Kajian	23
1.10	Definisi Operasional	24
1.10.1	Status Sosioekonomi (SSE)	24
1.10.2	Pencapaian Akademik	25
1.10.3	Sekolah Luar Bandar	26
1.11	Rumusan Bab	26

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Latar Belakang Teori dan Model	29
2.2.1	Model Input-Ouput (IO)	29
2.2.2	Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP)	30
2.3	Kajian-Kajian Lepas	33
2.3.1	Status Sosioekonomi (SSE) Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar	33
2.3.2	Pengaruh Tahap Pendidikan Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar	35
2.3.3	Pengaruh Jarak Rumah Dan Sekolah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar.	40
2.3.4	Faktor Persekitaran Rumah Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar	42
2.3.5	Faktor Bidang Pekerjaan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Akademik Pelajar.	46

2.3.6	Tingkat Pendapatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian Akademik Pelajar.	48
-------	---	----

2.4	Rumusan	52
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	54
-----	------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	55
-----	--------------------	----

3.3	Populasi, Sampel Dan Teknik Pensampelan	57
-----	---	----

3.4	Instrumen Kajian	61
-----	------------------	----

3.5	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	63
-----	------------------------------	----

3.5.1	Kesahan Instrumen Soal Selidik	63
-------	--------------------------------	----

3.5.2	Hasil Analisis Kesahan Instrumen	65
-------	----------------------------------	----

3.5.2.1	Analisis Kesahan Muka	65
---------	-----------------------	----

3.5.2.2	Hasil Analisis Kesahan Kandungan Instrumen	66
---------	--	----

3.5.3	Kebolehpercayaan Instrumen	69
-------	----------------------------	----

3.6	Kajian Rintis	70
-----	---------------	----

3.7	Prosedur Pengumpulan Data	71
-----	---------------------------	----

3.8	Analisis Data	74
-----	---------------	----

3.8.1	Proses Merekod Data	75
-------	---------------------	----

3.8.2	Analisis Deskriptif	76
-------	---------------------	----

3.8.3	Analisis Regresi	77
-------	------------------	----

3.9	Ujian Diagnostik	78
-----	------------------	----

3.9.1	Ujian Normaliti	79
-------	-----------------	----

3.9.2	Ujian Lineariti	80
3.9.3	Ujian Heterokedastisiti	80
3.9.4	Ujian Multikolineariti	81
3.10	Rumusan	82

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	83
4.2	Analisis Deskriptif Profil Responden	84
4.3	Analisis Skor Min Mengikut Dimensi Faktor Sosioekonomi	90
4.3.1	Analisis Dimensi Pengaruh Status Pendapatan Ibu Bapa	91
4.3.2	Analisis Dimensi Pengaruh Status Pekerjaan Ibu Bapa	92
4.3.3	Analisis Dimensi Pengaruh Tahap Pendidikan Ibu Dan Bapa	93
4.3.4	Analisis Dimensi Pengaruh Persekitaran Rumah	94
4.3.5	Analisis Dimensi Pengaruh Jarak Ke Sekolah	95
4.4	Ujian Diognastik	96
4.4.1	Ujian Normaliti Skewness dan Kurtosis	96
4.4.2	Ujian Lineariti	98
4.4.3	Ujian Heterokedastisiti	100
4.4.4	Ujian Multikolineariti	102
4.5	Analisis Regresi Berganda	104
4.5.1	Sampel Keseluruhan	105

4.6	Rumusan Analisis Inferensi Terhadap Pengujian Hipotesis Alternatif	109
4.7	Perbincangan Secara Keseluruhan Dapatan Kajian	111
4.8	Perbincangan Dapatan Kajian	112
4.8.1	Pendapatan Ibu bapa	113
4.8.2	Jarak ke sekolah	115
4.8.3	Pendidikan Ibu Bapa	116
4.8.4	Pekerjaan Ibu Bapa	118
4.8.5	Persekitaran rumah	119
4.9	Rumusan	121

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	122
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	123
5.3	Perbincangan Rumusan Dapatan Kajian	124
5.3.1	Objektif Kajian 1: Mengenal pasti tahap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di Daerah Papar, Sabah.	125
5.3.2	Objektif Kajian 2: Menganalisis pengaruh latar balakang ekonomi ibu bapa, persekitaran rumah dan jarak ke sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah luar bandar di Daerah Papar, Sabah.	125
5.3.2.1	Latar balakang sosioekonomi ibu bapa	125
5.4	Implikasi Kajian	129
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	131

5.6 Rumusan	133
-------------	-----

RUJUKAN	134
----------------	-----

LAMPIRAN	147
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Statistik Pendidikan Negeri Sabah dan daerah Papar, 2018	4
1.2	Analisis Pencapaian Gred Purata Sekolah SPM Daerah Papar Untuk Tahun 2015-2019	5
1.3	Pencapaian Gred Purata keseluruhan SPM 2010-2019 Sekolah Menengah Daerah Papar, Sabah	6
1.4	Perbandingan Pencapaian Gred Purata keseluruhan SPM 2019 Sekolah Menengah Daerah Papar, Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang, Sabah Berbanding Peringkat Negeri dan Nasional	7
1.5	Peratusan Isi Rumah B40 Daerah di Zon Pantai Barat Selatan, Sabah Tahun 2014 dan 2016	13
3.1	Taburan Jumlah Pelajar Tingkatan 4 Mengikut Sekolah Di Daerah Papar.	58
3.2	Jadual Penentu Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan .	59
3.3	Perhitungan Saiz Sampel Dalam Peratuasan	60
3.4	Perhitungan Saiz Sampel (orang)	60
3.5	Taburan Item Mengikut Bahagian	63
3.6	Persetujuan keseluruhan Panel Penilai kesahan muka	66
3.7	Analisis Keputusan Indeks Kesahan Kandungan Pakar	68

3.8	Jadual Nilai Pekali Alpha Cronbach	69
3.9	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Pengaruh Status Sosio Ekonomi Ibu Bapa	71
3.10	Recode Skor Pernyataan Negatif Kepada Skor Pernyataan Positif	75
3.11	Tafsiran Skor Min	76
4.1	Analisis Deskriptif Profile Responden	85
4.2	Klasifikasi pendapatan isi rumah di Malaysia	89
4.3	Analisis Min Pengaruh Status Sosioekonomi Mengikut Dimensi Secara Keseluruhan.	90
4.4	Keputusan Analisis Min Pengaruh Status Pendapatan Ibu Bapa	91
4.5	Keputusan Analisis Min Pengaruh Status Pekerjaan Ibu Bapa	92
4.6	Keputusan Analisis Min Pengaruh Tahap Pendidikan Ibu Dan Bapa	93
4.7	Keputusan Analisis Min Pengaruh Persekitaran Rumah	94
4.8	Keputusan Analisis Min Pengaruh Jarak Ke Sekolah	95
4.9	Nilai Skewness dan Kurtosis Setiap Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Pengaruh Sosio Ekonomi dan Pemboleh Ubah Bersandar Pencapaian Akademik Pelajar (GPM)	97
4.10	Jadual Chi Squared (χ^2)	100
4.11	Ringkasan Model	101
4.12	Bacaan Nilai Tolerance dan VIF	102
4.13	Jadual Coefficients	103

4.14	Keputusan Penganggaran (Keseluruhan Sampel)	105
4.15	Rumusan Status Hipotesis Kajian H1 Hingga H5 Dan Nilai Regresi Berganda (β)	110

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Gred Purata (GP) SPM Daerah Papar, SPM Negeri Sabah dan SPM Nasional Untuk Tempoh Masa 2010-2019	17
1.2 Kerangka konsep Kajian Berdasarkan Model Input-Output dan Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP)	20
4.1 Keputusan Ujian Lineariti Dengan Graf <i>Scatterplot</i>	99

SENARAI CARTA

Muka Surat

- | | | |
|-----|---|----|
| 1.1 | Tahap Pendidikan Penduduk Bekerja Di Sabah <i>Sumber:</i> Jabatan Statistik Malaysia, 2018 | 11 |
| 1.2 | Peratusan Kadar Pengangguran Sabah 2016-2019 | 12 |
| 1.3 | Statistik Peratus Kemiskinan Mengikut Daerah Di Pantai Barat Sabah | 12 |
| 1.4 | Komposisi Perbelanjaan Bulanan Ke Atas Pendidikan Di Negeri-negeri Dalam Malaysia Pada Tahun 2016 | 14 |
| 3.1 | Penerangan Ringkas Prosedur Pengumpulan Data | 72 |



SENARAI SINGKATAN

EPRD	Jabatan Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
GP	Gred Purata
GPD	Gred Purata Daerah
GPK	Gred Purata Kebangsaan
GPM	Gred Purata Murid
GPN	Gred Purata Negeri
GPS	Gred Purata Sekolah
IO	Input-Output
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LPTB	Laporan Penyelidikan Tenaga Buruh
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SSE	Status Sosio Ekonomi
TPP	Teori Pengeluaran Pendidikan



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Lantikan Pakar Kesahan Instrumen
- B Surat Kelulusan Melaksanakan Kajian (eRAS)
- C Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS)
- D Surat Kebenaran Pendidikan Daerah Papat (PPD).
- E Halaman Borang Soal Selidik
- F Halaman Jadual Krejcie dan Mogan
- G Surat Pengesahan Status Pelajar
- H Surat Pengesahan Pelajar Membuat Penyelidikan
- I Surat Permohonan Membuat Kajian Rintis

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Salah satu elemen utama dalam fungsi pengeluaran pendidikan ialah peranan faktor sosioekonomi (SSE) keluarga selain faktor persekolahan dan gaya pengajaran guru dalam mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar seperti pencapaian dalam peperiksaan sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri mahupun kebangsaan. Pelbagai faktor SSE ibu bapa digunakan dalam menilai pencapaian akademik pelajar seperti latar belakang pendidikan dan pekerjaan ibu bapa, persekitaran rumah dan kejiwaan serta latar belakang demografi.

Pendidikan membolehkan seseorang menjadi lebih aktif, produktif serta berkemampuan meningkatkan pendapatan isi rumah masing-masing serta berbakti kepada agama, bangsa dan negara (Fazliana & Roslee, 2006). Hal ini terbukti dengan meningkatkan pembelajaran seseorang pelajar melalui pendidikan dapat membantu



dalam memperbaiki taraf sosioekonomi seseorang pelajar pada masa depan terutamanya dalam negara yang sedang membangun (Glewne & Lambert, 2010)

Pencapaian dalam akademik seseorang individu tidak boleh dipandang ringan kerana ianya merupakan tonggak masa depan dan penentu penting taraf status sosioekonomi akan datang khusus kepada diri seorang bergelar pelajar. Ini kerana dunia pendidikan mampu membuka jalan perubahan hidup seseorang kepada tahap yang lebih baik dari aspek pekerjaan mahupun pendapatan (Karunakaran et al., 2019).

Namun begitu, karakter SSE adalah berbeza antara satu daerah atau kawasan dengan daerah atau kawasan yang lain disebabkan komposisi demografi yang berbeza. Terbezanya jurang taraf kehidupan seseorang dari segi ekonomi, taraf kesihatan dan integrasi sosial juga berpunca daripada jurang pendidikan yang berbeza antara wilayah. Oleh itu, SSE yang berbeza merupakan input-input yang akan membawa pengaruh ke atas output iaitu pencapaian pelajar sekolah menengah terutama di kawasan luar bandar.

Bagi memudahkan perbincangan, terdapat sebelas bahagian utama dalam bab ini selepas pengenalan. bahagian pertama memfokuskan latar belakang kajian diikuti dengan permasalahan kajian dalam bahagian kedua. Bahagian ketiga memberi fokus utama kepada tujuan kajian diikuti objektif kajian di bahagian empat, manakala persoalan dan hipotesis kajian masing-masing dibincangkan dalam bahagian lima dan enam. Bahagian tujuh, lapan dan sembilan masing-masing memberi fokus kepada kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian seterusnya diikuti definisi operasi dalam bahagian ssepuluh. Bab ini diakhiri dengan rumusan dalam bahagian sebelas.



1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan menjadi alat yang penting bukan sahaja untuk meningkatkan taraf hidup dan mengubah masyarakat menjadi seorang warga yang bijak dan rasional (Islam & Khan, 2017). Malah, pendidikan juga dapat mengurangkan ketidakseimbangan atau jurang pembangunan ekonomi antara daerah atau wilayah dengan menyediakan sumber manusia mahir dan separa mahir kepada ekonomi wilayah secara keseluruhannya (Chiara & Eugene, 2015). Pendidikan juga penting sebagai pelaburan untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran untuk memenuhi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) pada masa kini. Oleh hal yang demikian pendidikan tidak kira di bandar mahupun luar bandar perlu berkembang seiringan dengan perubahan senario ekonomi dalam negara dengan memetik pernyataan bekas menteri perdagangan antarabangsa dan industri dalam astro awani online bertarikh 26 Oktober 2019;

Apabila kita bercakap mengenai IR4.0, kita tidak boleh mempunyai sistem pendidikan yang masih di era 2.0, jadi jika ia 4.0, maka (pendidikan) harus seiring dengan 4.0. Ini yang menjadi keprihatinan kita sekarang.

Daerah Papar yang terletak di Pantai Barat Sabah merupakan sebuah daerah yang memiliki akses pendidikan yang baik dan tidak jauh ketinggalan seperti mana daerah-daerah lain di Sabah. Jadual 1.1 meringkaskan statistik pendidikan daerah Papar secara khusus dan negeri Sabah secara umum pada tahun 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).¹

¹ Maklumat Pendidikan (sekolah kerajaan) negeri Sabah mengikut daerah boleh diakses melalui sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia seperti melalui https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu_id=Z1hCMUUVLQWVOL2tScVlhSmo5eEd3QT09

Jadual 1.1

Statistik Pendidikan Negeri Sabah dan daerah Papar, 2018

Item	Sabah			Papar		
	Jumlah	Sek. Rendah	Sek. Menengah	Jumlah	Sek. Rendah	Sek. Menengah
Sekolah	1,296	1,074	222	62	51	11
Bilangan guru	41,149	24,880	16,269	2,028	1,213	815
Bilangan pelajar	486,158	277,583	208,575	22,344	12,413	9,931

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

Berdasarkan Jadual 1.1, Papar (kolum kanan) mempunyai 51 buah sekolah rendah dan 11 buah sekolah menengah dengan bilangan tenaga pengajar seramai 2,028 orang guru (40 peratus guru sekolah menengah). Dari segi bilangan murid, Papar memiliki sejumlah 22,344 orang pelajar dengan 9,931 atau 44.4 peratus daripadanya adalah pelajar sekolah menengah. Jika dibandingkan dengan statistik pendidikan negeri (kolum kiri), didapati Papar memiliki nisbah murid-guru yang lebih baik terutamanya di peringkat sekolah menengah. Nisbah guru kepada pelajar sekolah menengah di Sabah adalah 1:12.8 iaitu 12.8 pelajar bagi setiap guru. Nisbah ini adalah sedikit tinggi berbanding 1:12.2 bagi Papar. Ini menunjukkan bahawa akses pendidikan di Papar sekurang-kurangnya setara dengan negeri atau daerah-daerah lain.²

Walau bagaimanapun, dengan akses kepada pendidikan yang baik di Papar tidak dapat diterjemahkan kepada prestasi akademik yang cemerlang terutamanya pencapaian dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kalangan para pelajarnya. Tahap pencapaian SPM pelajar di daerah Papar dalam tempoh lima tahun lepas masih lagi belum boleh dibanggakan. Berdasarkan Jadual 1.2, semua sekolah-

² Malah, berdasarkan data statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) nisbah guru-murid di Sabah adalah 1:13 berbanding dengan 1:25 di peringkat nasional pada tahun 2018.

sekolah terpilih dalam kajian ini mempunyai nilai Gred Purata Sekolah (GPS) yang besar melebihi 5 sekaligus dilihat menyumbang kepada kejatuhan pencapaian Gred Purata daerah Papar pada tahun-tahun sebelumnya.³

Jadual 1.2

Analisis Pencapaian Gred Purata Sekolah SPM Daerah Papar Untuk Tahun 2015-2019

Sekolah	Gred Purata Sekolah (GPS) Lima Tahun				
	2015	2016	2017	2018	2019
SMK Kinarut	6.43	6.29	5.81	5.90	6.15
SMK Benoni	5.92	5.85	5.72	5.58	5.92
SMK Takis	5.62	5.82	5.44	5.59	5.40
SMK Bongawan II	6.19	6.24	5.80	6.13	6.00
SMK Bongawan	6.73	6.65	6.17	6.26	5.97
SMK Majakir	5.49	5.65	5.54	5.30	5.35
SMK St Joseph	5.19	5.22	4.89	4.56	4.87
SMK St Mary	5.50	5.42	5.49	5.46	5.35
SMKA Limauan	4.75	5.03	4.54	5.02	4.50
SMKA Tun Datu Mustapha	4.76	4.31	4.66	4.21	4.52
SMK Pengalat Besar	6.68	6.11	6.32	6.11	6.32
Gred Purata Daerah (GPD)	5.75	5.74	5.57	5.53	5.62

Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Papar, 16 November 2020

Malah, prestasi pelajar di peringkat sekolah menengah daerah Papar berbanding dengan GP negeri dan kebangsaan dalam tempoh masa 10 tahun tidak menunjukkan prestasi peningkatan yang ketara malah menunjukkan prestasi yang menurun.

³ Gred Purata (GP) merupakan indeks yang digunakan untuk menunjukkan pencapaian calon di peringkat sekolah, negeri dan kebangsaan dalam pencapaian SPM. Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran dalam kesemua mata pelajaran yang diuji. Nilai GP yang lebih kecil menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik.

Jadual 1.3

Pencapaian Gred Purata keseluruhan SPM 2010-2019 Sekolah Menengah Daerah Papar, Sabah

Tahun	Gred Purata Pencapaian (GP) SPM Sekolah-sekolah Daerah Papar	Gred Purata Pencapaian (GP) SPM Sabah	Gred Purata Pencapaian (GP) SPM Nasional
2019	5.62	5.38	4.86
2018	5.53	5.44	4.89
2017	5.57	5.51	4.90
2016	5.74	5.64	5.10
2015	5.75	5.66	5.15
2014	5.53	5.57	5.08
2013	5.15	5.30	4.93
2012	5.60	5.59	5.08
2011	5.48	5.51	5.04
2010	5.67	5.67	5.19
Purata	5.56	5.53	5.02

Sumber: PPD Papar, Bahagian Unit Peperiksaan, 16 November, 2020

Jadual 1.3 memaparkan Gred Purata Sekolah (GPS) pencapaian SPM bagi daerah Papar berbanding Gred Purata Negeri (GPN) dan Gred Purata Kebangsaan (GPK) dalam tempoh 10 tahun terakhir, 2010 - 2019. Secara umumnya, pencapaian SPM pelajar daerah Papar lebih rendah iaitu antara 0.01 – 0.24 mata berbanding GPN kecuali pada tahun 2011 dan 2013. Namun, jika dibandingkan dengan GPK, didapati GPS Papar secara purata 0.54 mata jauh lebih rendah berbanding GPK (5.56 berbanding 5.02). Malah, nilai GPK dalam tempoh 3 tahun terakhir lebih tinggi (< 5.00) jika dibandingkan dengan GPS Papar (> 5.53).

Pencapaian SPM daerah Papar juga rendah berbanding daerah lain dalam Zon Pantai Barat Selatan Sabah iaitu Kuala Penyu, Sipitang dan Beaufort (Rujuk Jadual 1.4). Sebagai contoh, nilai GP bagi daerah Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang adalah 0.26 – 0.32 mata jauh lebih rendah berbanding nilai GP Papar.

Jadual 1.4

Perbandingan Pencapaian Gred Purata keseluruhan SPM 2019 Sekolah Menengah Daerah Papar, Beaufort, Kuala Penyu dan Sipitang, Sabah Berbanding Peringkat Negeri dan Nasional

Gred Purata Nasional	4.86
Gred Purata Negeri Sabah	5.38
Gred Purata Daerah Beaufort	5.30
Gred Purata Daerah Kuala Penyu	5.31
Gred Purata Daerah Sipitang	5.36
Gred Purata Daerah Papar	5.62

Sumber: <https://www.utusanborneo.com.my/2020/03/05/>

Sabah juga mencatat tahap tertinggi penduduk yang tidak mempunyai pendidikan formal. Tahap pencapaian pelajar di pedalaman (luar bandar) juga berada jauh ketinggalan di belakang pelajar di bandar (Kassim & Kogid, 2008; Mohd Yusof, Roslee & Dayang Fatimah, 2017). Jumlah peratusan keseluruhan penduduk Sabah yang boleh membaca dan menulis masih jauh ketinggalan iaitu 84.6 peratus berbanding di peringkat nasional (Malaysia), 91 peratus. Peratusan individu (bekerja dan tidak bekerja) yang tidak mempunyai pendidikan formal masih lagi tinggi dari tahun 1999 hingga 2003. Sementara mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan daripada kolej atau universiti agak kecil bilangan peratusannya berbanding dengan peratusan taburan bagi mereka yang hanya mempunyai tahap pendidikan setakat peringkat sekolah rendah dan menengah (Othman & Hamidi, 2018).

Walaupun Papar berpotensi dari segi perkembangan ekonomi kerana mempunyai sumber ekonomi semula jadi yang banyak dan terletak di laluan lebuh raya Pan Borneo, namun orang tempatan kelahiran Papar masih mencatatkan peratusan yang besar digolongkan dalam kelas B40. Daerah Papar bergantung 60 peratus dalam aktiviti pertanian dan merupakan pengeluar utama getah di Negeri



Sabah. Selain getah, daerah Papar juga adalah pembekal daging ayam dan telur ayam yang menyumbang sebesar 35 peratus di negeri Sabah selain menjalankan kegiatan pertanian padi, kelapa sawit dan pembalakan. Dari segi sektor perikanan, daerah Papar mempunyai 360 orang nelayan dengan 943 bot berdaftar dan mampu menghasilkan 1,3725.57 tan matrik tangkapan laut setiap hari di negeri Sabah (Pejabat Daerah Papar). Namun demikian, daerah Papar juga antara daerah tertinggi yang mencatat bilangan isi rumah yang mendaftar dengan program e-Kasih iaitu seramai 1228 keluarga (Jabatan Statistik Malaysia, 2018).

Untuk mendukung Malaysia menuju ke arah negara maju, salah satu cabaran yang perlu diatasi ialah pembasmian taraf kemiskinan dan meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat. Cabaran ini melibatkan masyarakat luar bandar terutamanya di setiap negeri dalam Malaysia. Sekali lagi pembasmian taraf kemiskinan dan peningkatan status sosioekonomi di Malaysia perlu berjalan seiringan dengan perkembangan pendidikan terutama dalam usaha pembentukan pembangunan komuniti luar bandar atau kampung secara berterusan (Saidi, Sino & Othman, 2018). Pendidikan di Malaysia menjadi agen yang membawa perubahan sosioekonomi masyarakat luar bandar dengan membuka ruang untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Pekerjaan yang baik pula memberikan pendapatan lumayan yang membolehkan masyarakat menikmati gaya hidup yang lebih baik (Nor Hayati et al., 2017).





1.3 Pernyataan Masalah

Perbincangan sebelum ini, didapati bahawa akses kepada pendidikan yang mudah di Papar tidak mampu diterjemahkan kepada kecemerlangan akademik khususnya dalam peperiksaan SPM. Ini menunjukkan bahawa terdapat cabaran yang berterusan dalam memperbaiki prestasi pencapaian akademik pelajar luar bandar dan ini masih menjadi isu perbincangan secara berterusan di kalangan para pengkaji. Selain faktor aspek penawaran (guru, kemudahan/fasiliti di sekolah, pentadbiran), faktor permintaan juga turut dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar seperti faktor pengaruh latar belakang status sosio ekonomi (SSE) ibu bapa pelajar berkenaan seperti pendapatan, pendidikan dan jenis pekerjaan (Sherifat, Aminu & Mohammed, 2020; Subra, Abdullah & Devi, 2019; dan Islam & Khan, 2017). Namun begitu, tidak banyak kajian yang memberi tumpuan khusus pencapaian pelajar luar bandar di Malaysia Timur (Sabah, Labuan dan Sarawak). Memandangkan Sabah, Labuan dan Sarawak mempunyai karakter komposisi demografi dan SSE yang berbeza berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, keadaan ini mungkin dapat menerangkan jurang pencapaian pelajar antara wilayah Malaysia Barat dan Malaysia Timur.


Negeri Sabah, khususnya Papar memiliki karakter SSE yang jauh berbeza berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Dari aspek taburan pendidikan di kalangan para pekerja, laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2018 mendedahkan hanya 16 peratus pekerja di Sabah memiliki pendidikan tinggi berbanding dengan 25 peratus – 30 peratus bagi negeri-negeri lain (Jabatan Statistik Malaysia, 2018). Malah, laporan yang sama mendedahkan lebih sepertiga (38 peratus) pekerja memiliki tahap pendidikan sekolah rendah atau tiada pendidikan formal.





Ibu bapa daripada golongan status sosio ekonomi (SSE) yang rendah dari segi tahap pendidikan, tingkat pendapatan dan bidang pekerjaan dilihat kurang terlibat dalam pendidikan anak-anaknya (Lareau, 2000 dalam Yamamoto, 2006). Daripada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh (LPTB) 2018, berbanding dengan negeri-negeri lain, didapati lebih 80 peratus rakyat Sabah bekerja sebagai pekerja asas (*elementary occupation*) dan di sektor industri primer (pertanian, perikanan dan perhutanan). Tambahan pula, kadar penyertaan tenaga buruh dalam kalangan golongan wanita adalah jauh lebih rendah dengan 49 peratus berbanding dengan kadar kebangsaan sebanyak 65 peratus. Hanya 25 peratus daripada pekerja di Sabah memiliki pendidikan tinggi berbanding dengan 35 peratus bagi data kebangsaan. Carta 1.1 menunjukkan tahap pencapaian pendidikan penduduk Sabah yang berkerja setakat tahun 2018 mendapati majoriti penduduk Sabah yang bekerja hanya mempunyai kelulusan pendidikan sekolah menengah berbanding kelulusan daripada pengajian tinggi. Tahap kelulusan pendidikan saling berkait dengan jenis pekerjaan yang diceburi dan tingkat pendapatan yang diperolehi dan akhirnya akan mempengaruhi status sosioekonomi sesebuah keluarga.






Carta 1.1. Tahap Pendidikan Penduduk Bekerja Di Sabah Sumber: Jabatan Statistik Malaysia, 2018


Taraf pendidikan yang masih rendah dapat menerangkan mengapa sebahagian rakyat Sabah bekerja dalam kategori pekerjaan asas (*elementary occupation*) dengan 25 peratus pada tahun 2018 iaitu mencatatkan peratusan tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain (antara 15 – 18 peratus).⁴ Malah lebih satu perempat pekerja di Sabah aktif dalam sektor pertanian, perikanan dan perhutanan yang kurang produktif. Jumlah-jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu antara 10 – 15 peratus sahaja. Selain itu, negeri Sabah juga mencatatkan aliran kadar pengangguran yang semakin meningkat dalam tempoh empat tahun (2016-2019) dengan merujuk kepada Carta 1.2. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), Sabah mencatatkan antara kadar pengangguran yang tertinggi di dalam Malaysia berbanding negeri lain. Ini sekaligus memberi kesan kepada status sosioekonomi penduduk Sabah yang rendah.

⁴https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu_id=NE5nbENoNXJsTG5KWmY5QmpUV2IEUT09



Carta 1.2. Peratusan Kadar Pengangguran Sabah 2016-2019 Sumber :Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

Penumpuan dalam pekerjaan asas, bekerja dalam sektor yang kurang produktif selain peningkatan dalam kadar pengangguran dapat menerangkan peningkatan taburan keluarga miskin dan golongan bawahan (B40) dalam kalangan rakyat Sabah termasuk juga daerah Papar. Carta 1.3 menunjukkan bahawa Papar mencatat taburan kadar kemiskinan kedua tertinggi (2.7 peratus) selepas Kuala Penyu (3.1 peratus) berbanding daerah-daerah lain di Pantai Barat Sabah pada tahun 2016.



Carta 1.3. Statistik Peratus Kemiskinan Mengikut Daerah Di Pantai Barat Sabah

Laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) selari dengan hasil dapatan kajian Othman dan Hamidi (2018) bahawa Sabah mencatatkan kadar

kemiskinan yang tertinggi di Malaysia. Hampir keseluruhan suku kaum etnik di Sabah mencatatkan kadar kemiskinan pada kadar di antara 24.2 peratus hingga 75 peratus. Kadar kemiskinan ini banyak tertumpu di kawasan-kawasan luar bandar.

Daerah Papar juga menunjukkan peningkatan dalam isi rumah berpendapatan rendah (B40) di antara 2014 dan 2016 berbanding dengan daerah-daerah lain di Zon Pantai Barat Selatan. Sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.5, peratusan isi rumah B40 meningkat jauh lebih tinggi di Papar dengan 0.7 mata peratus antara tahun 2014 dan 2016 berbanding dengan daerah-daerah lain.

Jadual 1.5

Peratusan Isi Rumah B40 Daerah di Zon Pantai Barat Selatan, Sabah Tahun 2014 dan 2016

Daerah Zon Pantai Barat Selatan Sabah	Tahun	
	2014 (%)	2016 (%)
Papar	3.1	3.8
Beaufort	2.3	2.4
Kuala Penyu	0.7	0.8
Sipitang	1.3	1.4

Sumber: Jabatan Stastistik Malaysia, 2016

Taraf sosioekonomi yang rendah di daerah Papar memberi impak ke atas pelaburan dalam pendidikan anak-anak yang hasilnya akan mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak di sekolah. Dalam laporan Kajian Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (Household Income and Expeniture Survey, HIES) mendedahkan isi rumah luar bandar di Sabah hanya membelanjakan secara purata RM10 sebulan berbanding dengan RM26 untuk kawasan bandar ke atas pendidikan. Jumlah ini jauh lebih rendah berbanding perbelanjaan ke atas pendidikan isi rumah luar bandar di negeri-negeri lain dalam Malaysia. Daripada Carta 1.4, didapati

perbelanjaan pendidikan di kalangan isi rumah di Sabah hanya berjumlah RM10 berbanding RM32 (nasional). Jumlah perbelanjaan yang sedikit ke atas pendidikan di Sabah kemungkinan memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar yang kurang memuaskan.



Carta 1.4. Komposisi Perbelanjaan Bulanan Ke Atas Pendidikan Di Negeri-negeri Dalam Malaysia Pada Tahun 2016 Sumber: Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016, Jabatan Statistik Malaysia, 2016

Walaupun terdapat banyak kajian yang memberi perhatian yang mengaitkan pengaruh latar belakang status sosioekonomi ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar sekolah, namun dalam konteks Malaysia, pengaruh ini masih lagi terlalu sedikit terutama di kawasan luar bandar (Suresh, 2013). Komposisi demografi dan SSE penduduk luar bandar yang jauh berbeza berbanding dengan bandar mungkin menyumbang kepada perbezaan prestasi akademik pelajar sekolah luar bandar.

Kajian lalu juga kurang membuat kajian terutamanya isu faktor sosioekonomi ibu bapa di kawasan luar bandar negeri Sabah yang merupakan negeri yang masih



mencatat peratusan bilangan pendapatan isi rumah dalam kategori rendah yang tinggi (Othman & Hamidi, 2018).

Ibu bapa yang mempunyai tingkat pendapatan rendah dengan latar belakang perkerjajaan yang bukan profesional juga kurang melibatkan diri untuk peningkatan pencapaian murid berbanding dengan ibu bapa yang berpendapatan tinggi dan sederhana (Jafarov, 2015; Magwa & Mugawi, 2017). Ibu bapa yang berpendapatan rendah lebih cenderung untuk kurang meluangkan masa membuat ulang kaji bersama anak-anak kerana masa terluang digunakan untuk “*survival*” mencari rezeki tambahan bagi keberlangsungan hidup keluarga (Moonga, 2018). Tambahan pula, ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan rendah didapati kurang melibatkan diri untuk aktiviti peningkatan pencapaian murid sekolah kerana mempunyai pengetahuan yang terhad (Yawman et al., 2019). Kajian lain turut mendapati Ibu bapa dengan SSE yang rendah tidak mengetahui cara untuk mendapatkan maklumat serta nasihat untuk melibatkan diri dalam peningkatan pencapaian murid (Park et al., 2018) malahan mereka juga tidak mendapat maklumat tentang aktiviti yang dilaksanakan di sekolah (Woodrow et al., 2016).

Persekitaran keluarga seperti saiz keluarga, persekitaran rumah dan amalan keibubapaan boleh dikaitkan dengan prestasi atau pencapaian seseorang pelajar di luar bandar. Namun begitu, masih kurang kajian lepas yang berkisarkan di kawasan luar bandar khususnya di negeri Sabah. Kebanyakan pengkaji lalu memberi penekanan fokus kajian mereka dari aspek amalan keibubapaan dalam mempengaruhi perkembangan kognitif seseorang pelajar tetapi telah mengabaikan faktor persekitaran keluarga (Ding et.al., 2016). Papar merupakan antara daerah yang memiliki saiz isi rumah yang tertinggi berbanding dengan daerah-daerah lain di Sabah dengan purata





5.6 orang⁵ Faktor persekitaran rumah mampu mempengaruhi perkembangan kognitif pelajar, malah ada sebahagian kajian mendapati persekitaran rumah dalam kalangan ibu bapa yang SSE rendah tidak semestinya memberi impak yang negatif terhadap pencapaian pelajar. Sebagai contoh, kajian daripada Yamamoto, Li, dan Liu (2016) mendapati ibu bapa yang mempunyai SSE rendah mempunyai kepercayaan yang lebih kuat mengenai tanggungjawab ibu bapa terhadap pendidikan. Rentetan daripada pernyataan di atas kajian ini dilakukan dengan harapan untuk mendapatkan gambaran faktor persekitaran rumah manakah yang mungkin mempengaruhi hasil pencapaian seseorang pelajar.


Pelajar luar bandar sering juga dikaitkan dengan keciciran dalam akses kemudahan prasarana yang disediakan di sekolah dan kerajaan. Lebih 50 peratus pelajar di daerah Papar tinggal di kawasan kampung yang jarak rumahnya ke sekolah adalah jauh dan ditambah dengan kekangan sistem pengangkutan untuk akses kepada kemudahan pembelajaran yang disediakan sama ada oleh sekolah ataupun pihak kerajaan. Keadaan ini mungkin memberi masalah yang serius kepada isi rumah dari golongan status sosioekonomi yang rendah dari aspek tidak berkemampuan untuk mengeksekus kemudahan yang disediakan kerajaan ekoran faktor lokasi tempat tinggal jauh (Siti & Narimah, 2018).

Sekolah menengah yang terletak di daerah Papar, Sabah dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Berpandukan jadual 1.3 yang telah dibincangkan dalam latar belakang kajian membuktikan sememangnya terdapatnya jurang perbezaan yang ketara di antara pencapaian peperiksaan SPM daerah Papar jika dibanding dengan

⁵ Dipetik daripada Perangkaan Buletin Sosial Negeri Sabah 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia melalui laman web Jabatan Perangkaan Malaysia.
https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu_id=UmtzQ1pKZHBjY1hVZE95R3RnR0Y4QT09



pencapaian SPM peringkat negeri Sabah dan peringkat nasional dalam tempoh sepuluh tahun seperti ditunjukkan dalam rajah 1.1 berikut;



Rajah 1.1. Gred Purata (GP) SPM Daerah Papar, SPM Negeri Sabah dan SPM Nasional Untuk Tempoh Masa 2010-2019

Melihat kepada pencapaian SPM daerah Papar selama sepuluh tahun, didapati pencapaian nilai bacaan GP SPM sekolah menengah daerah Papar semakin besar berbanding GP negeri Sabah dan nasional. Persoalannya adakah trend pencapaian SPM yang semakin merosot di daerah Papar ini dipengaruhi oleh SSE ibu bapa? Seperti yang dibincangkan sebelum ini, akses kemudahan pendidikan dan tenaga pengajar di daerah Papar adalah setara dengan daerah lain di Sabah dan di peringkat nasional.

Walaupun terdapat kajian-kajian lepas berkaitan pengaruh faktor SSE ibu bapa pengaruhnya ke atas pencapaian akademik pelajar, namun ianya banyak mengisahkan di negara Barat, Nigeria, China dan juga Indonesia. Kajian dalam lingkungan topik ini kurang dibuat di Malaysia khususnya di negeri Sabah khasnya melibatkan pelajar luar



bandar daerah Papar. Oleh itu, sejauh mana faktor latar belakang sosioekonomi ibu bapa yang merangkumi tahap pendidikan, bidang pekerjaan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, jarak rumah daripada sekolah dan persekitaran rumah mempunyai pengaruh ke atas prestasi pencapaian pelajar sekolah menengah di daerah Papar, Sabah masih belum lagi dapat dipastikan.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif utama yang dibina khusus untuk kajian ini seperti mana yang digariskan seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 luar bandar daerah Papar, Sabah.
- ii. Menganalisis pengaruh latar belakang ekonomi ibu bapa, persekitaran rumah dan jarak ke sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 luar bandar daerah Papar, Sabah.

1.5 Soalan Kajian

Persoalan-persoalan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah terdapatnya pengaruh tahap pendidikan ibu bapa terhadap pencapaian dalam akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?
- ii. Adakah terdapatnya pengaruh pekerjaan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?





- iii. Adakah terdapatnya pengaruh pendapatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?
- iv. Adakah persekitaran rumah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?
- v. Adakah jarak rumah daripada sekolah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis alternatif untuk kajian ini adalah seperti berikut:


- H₁ Terdapat pengaruh yang signifikan tahap pendidikan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.
- H₂ Terdapat pengaruh yang signifikan pekerjaan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.
- H₃ Terdapat pengaruh yang signifikan pendapatan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.
- H₄ Terdapat pengaruh yang signifikan faktor persekitaran rumah terhadap pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.
- H₅ Terdapat pengaruh yang signifikan antara jarak rumah daripada sekolah dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 luar bandar daerah Papar.

1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual dalam kajian ini adalah berdasarkan Teori Pengeluaran Pendidikan dan Model Input-Output. Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP) biasanya



merangkumi input luar selain daripada faktor sekolah yang mempengaruhi hasil pencapaian akademik pelajar. Langkah-langkah tersebut merangkumi faktor latar belakang sosioekonomi ibu bapa pelajar (pendidikan, persekitaran rumah, jarak rumah dengan sekolah, pekerjaan dan pendapatan ibu bapa). Berdasarkan teori TPP dan Model Input-Output dibincangkan lebih mendalam pada bahagian 2.1 maka kerangka konseptual untuk kajian ini dipaparkan seperti gambar rajah 1.2 berikut;



Rajah 1.2. Kerangka konsep Kajian Berdasarkan Model Input-Output dan Teori Pengeluaran Pendidikan (TPP)

Faktor latar belakang SSE ibu bapa dalam kajian ini merupakan pembolehubah tidak bersandar (IV) yang terdiri daripada lima faktor yang juga dikenali sebagai input dalam Rajah 1.2 di atas. Manakala pemboleh ubah bersandar (DV) dalam kajian ialah pencapaian akademik pelajar (Output). Kajian ini akan menguji adakah faktor-faktor input tersebut mempengaruhi output. Kajian ini juga akan melihat input yang manakah akan mempunyai hubungan yang paling signifikan dengan output.



1.8 Kepentingan Kajian

Penemuan-penemuan dalam kajian ini dapat memberi input yang berguna kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pendidikan seperti pelajar, guru; ibu bapa; pihak berkuasa dan masyarakat umum di daerah Papar.

Pelajar akan mendapat manfaat daripada penemuan kajian ini kerana ini akan membolehkan mereka memahami standard ekonomi ibu bapa mereka dan membolehkan mereka memaksimumkan peruntukan kecil yang mampu diberikan oleh ibu bapa untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik bagi mengubah nasib yang lebih baik pada masa depan.

Penemuan kajian ini juga diharapkan dapat menyedarkan guru mengenai pengaruh status sosioekonomi ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar. Guru diharapkan dapat mengambil pendekatan yang berbeza dalam memotivasikan pelajar untuk belajar terutama bagi golongan pelajar yang mempunyai latar belakang sosioekonomi keluarga yang rendah. Keberkesanan peranan guru juga akan meningkat kerana mereka akan dapat bekerja dengan mudah apabila dapat mengenalpasti latar belakang pelajar yang perlu dibantu.

Penyelidikan ini juga diharapkan akan dapat membantu ibu bapa di rumah untuk melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak mereka dengan menilai semula peranan mereka dalam membesarkan anak-anak serta membantu anak-anak meningkatkan pencapaian akademik mereka. Ia juga akan membolehkan ibu bapa mendapat pandangan tentang sebab mengapa anak mereka mencapai prestasi rendah di sekolah. Selain itu, hasil penemuan dalam kajian ini juga membolehkan ibu bapa



tahu bagaimana menolong dan mendorong anak-anak untuk terus berusaha dan tidak mudah mengalah dalam pelajaran walaupun kurang mampu dari segi material pembelajaran. Selanjutnya, kajian ini juga akan memperlihatkan peranan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar dengan tujuan untuk menyedarkan mereka bahawa pencapaian akademik pelajar tidak bergantung kepada dana, guru dan kemudahan sosial sahaja tetapi juga pada usahasama yang melibatkan komitmen ibu bapa.

Hasil penemuan dalam kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang idea kepada kerajaan persekutuan dan pentadbir pendidikan untuk meningkatkan kehidupan warganya dengan perancangan yang berkesan untuk semua objektif pendidikan.

Kajian ini juga diharapkan mampu menjadi sumber penting kepada penyelidik lain untuk dapatkan maklumat dan titik rujukan terutama kepada calon sarjana yang melakukan kajian dalam tajuk yang hampir sama. Selain itu, diharapkan hasil penemuan kajian ini boleh membantu masyarakat umum di daerah Papar untuk berganding bahu dengan pihak sekolah terutama pihak NGO untuk memberikan sedikit derma atau bantuan kepada pelajar-pelajar yang layak sama ada dari segi tawaran biasiswa, bantuan peralatan sekolah dan jenis-jenis bantuan lain yang boleh meringankan beban pelajar serta meningkatkan lagi semangat juang pelajar golongan ini dalam arena pendidikan.



1.9 Batasan Kajian

Lokasi kajian ini hanya terhad kepada lima buah sekolah menengah kerajaan di daerah Papar tanpa melibatkan sekolah daripada kawasan daerah yang lain. Sekolah yang dilibatkan ialah SMK Kinarut, SMK Benoni, SMK Bongawan, SMK Bongawan II dan SMK Pengalat Besar. Lima buah sekolah yang dilibatkan dalam kajian ini adalah dipilih berdasarkan lokasi sekolah yang jauh daripada pekan iaitu sekitar lima kilometer dan ke atas. . Lokaliti ini penting sebab sebahagian daripada objektif adalah untuk mengkaji faktor lokaliti dan prestasi akademik. Semakin jauh lokaliti sekolah, semakin rendah prestasi akademik. Walaupun daerah Papar mempunyai sebelas buah sekolah menengah, hanya lima buah sekolah ini dipilih kerana lokasi sekolah terletak di kawasan perkampungan dan kedudukannya yang jauh dari pekan Papar.



Sampel dalam kajian ini juga hanya melibatkan pelajar sekolah menengah tingkatan empat di lima buah sekolah yang terpilih memandangkan pelajar tingkatan tiga dan tingkatan lima tidak boleh diganggu kerana pelajar tingkatan tiga dan tingkatan lima bakal menghadapi peperiksaan PT3 dan SPM pada tahun semasa. Pada masa yang sama memenuhi syarat yang ditetapkan Jabatan Perancangan dan penyelidikan Pendidikan (EPRD) yang tidak membenarkan pelajar-pelajar daripada tingkatan tiga dan tingkatan lima untuk dijadikan responden kajian kerana khuatir boleh mengganggu proses pembelajaran pelajar-pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan.

Oleh hal yang demikian, hasil dapatan kajian ini hanya mewakili daerah Papar dan tidak dapat digeneralisasikan kepada daerah lain yang ada di Sabah mahupun di Malaysia. Ini kerana berlaku perbezaan budaya dan latar belakang sosioekonomi ibu



bapa di daerah lain atau negeri lain. Walau bagaimanapun, penemuan kajian ini mungkin relevan dengan sekolah-sekolah menengah yang terletak di luar bandar.

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional menjelaskan konsep-konsep utama dalam konteks kajian seperti berikut;

1.10.1 Status Sosioekonomi (SSE)

Status sosioekonomi (SSE) merujuk kepada kedudukan demografi, sosial dan ekonomi individu atau kumpulan dalam hubungannya dengan orang lain. Menurut Shooga dan Rasheed (2019), pemboleh ubah dalam SSE boleh mempengaruhi seseorang manusia dalam kesemua aspek seperti dari segi akademik, fizikal, emosi, sosial dan sebagainya. Menurut Islam dan Khan (2017), istilah status sosioekonomi adalah gabungan status sosial dan status ekonomi seseorang individu atau keluarga berdasarkan pendapatan, pendidikan, profesion, sumber yang dimiliki dan sebagainya. Secara amnya, status sosioekonomi menurut pengkaji ini merujuk kepada aspek sosio-budaya, ekonomi, pendidikan dan pemilikan barang dan perkhidmatan yang terdapat dalam keluarga. Istilah SSE menurut Parsons, Hinson dan Sardo-Brown (2001) pula adalah digunakan untuk membezakan kedudukan relatif seseorang dalam masyarakat dan dilihat dari aspek pendapatan keluarga, kuasa politik, tahap pendidikan dan profesion pekerjaan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya mengambil latar belakang SSE



ibu bapa pengaruhnya ke atas pencapaian akademik pelajar sekolah menengah di daerah Papar, Sabah.

1.10.2 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik adalah salah satu petunjuk penting untuk menilai prestasi pelajar dan pencapaian pendidikan (Liu, Peng, & Luo, 2020). Menurut Ahsan Ali (2016), pencapaian akademik merupakan pengetahuan yang dicapai atau kemahiran yang dikembangkan dan ianya diukur dengan ujian standard atau ujian yang disediakan oleh guru, atau kedua-duanya sekali. Pencapaian akademik pelajar diukur dengan gred serta skor markah yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan mahupun ujian yang diadakan di sekolah (Islam & Khan, 2017; Siti Farhan, 2015 & Muhibbin Shah, 2008). Gred yang diperolehi oleh pelajar akan menentukan pencapaian pelajar yang merujuk kepada tahap cemerlang, sederhana atau lemah. Sekiranya pelajar itu mencapai gred yang baik, bermakna mereka mencapai tahap kecemerlangan dalam bidang akademik. Manakala Rock dan Bennet (2001) melihat prestasi akademik sebagai kerja atau fungsi yang ditunjukkan oleh individu sebagai kebolehan, motif, minat dan sifat keperibadiannya. Oleh itu, ia meramalkan apa yang akan dicapai oleh individu pada masa hadapan.

Dalam kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada purata markah yang diperolehi oleh pelajar pada ujian atau peperiksaan sebelumnya di sekolah menengah berdasarkan skor markah dan gred yang digariskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).





1.10.3 Sekolah Luar Bandar

Menurut Ramlee dan Marinah (2004), sekolah luar bandar adalah sekolah yang tertumpu di kawasan perkampungan ataupun penempatan baru seperti kawasan FELDA dan seumpamanya. Manakala dari segi kemudahan adalah tidak lengkap dan sukar diperolehi. Sekolah luar bandar juga sering digambarkan dengan latar belakang keluarga pelajar yang mengusahakan perkejaan sendiri dan bertani. Sekolah luar bandar juga dikaitkan dengan kedudukan lokasi yang terpencil, kurang mendapat akses kemudahan dan kemajuan terutamanya dari segi aspek pendidikan (Siti Masayu & Narimah, 2018)

Dalam kajian ini, sebanyak lima buah sekolah menengah daerah Papar yang dipilih berdasarkan kedudukannya terletak di kawasan kampung dan bukan dalam kawasan pekan Papar.

1.11 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, dalam bab ini pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Selain itu, turut dibincangkan dalam bab ini ialah hipotesis alternatif kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian serta batasan kajian yang dilakukan. Gambaran yang jelas dalam bab ini akan membantu dan membimbing pengkaji untuk melaksanakan kajian dalam bab yang berikutnya. Penulisan kajian ini mempunyai lima bab.





Dalam Bab 2, pengkaji akan membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian dan teori utama kajian. Bab 3 adalah metodologi kajian yang merangkumi perbincangan reka bentuk dan sampel serta populasi kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, kajian rintis, prosedur kajian serta penganalisis data. Bab 4 kajian ini pula akan membincangkan dapatan kajian manakala Bab 5 kajian ini berkaitan dengan perbincangan penyelidikan, cadangan dan kesimpulan.

